

**NOTIS PENUTUPAN DAN PERUBAHAN LALUAN SEMENTARA****KERJA-KERJA PEMBINAAN PROJEK MARUDI WATERFRONT, MARUDI, SARAWAK**

Dimaklumkan bahawa kerja-kerja pembinaan bagi Projek Marudi Waterfront di Jalan Kapitan Lim Ching Kiat, Marudi akan dilakukan dan menyebabkan penutupan sebahagian jalan sementara seperti berikut:-

BIL	LOKASI	TARIKH/ MASA	PERUBAHAN LALUAN/ LENCONGAN / PENUTUPAN
1.	Sebahagian Jalan Kapitan Lim Ching Kiat (di hadapan Dataran Marudi) akan ditutup sementara bagi kerja-kerja pembinaan Projek <i>Marudi Waterfront</i> . Aliran Trafik dari arah Jalan Limbang /Jalan Kapitan Lim Ching Kiat menuju ke Jalan Nakhoda Abang Matasim akan dilencongkan melalui Jalan Permaisuri, Jalan Merdeka dan Jalan Raja <b>bagi kenderaan kecil</b> . (Rujuk anak panah merah)	26 Julai 2021 hingga 25 September 2021	Rujuk tanda "A"
	Aliran Trafik dari Jalan Limbang / Jalan Kapitan Lim Ching Kiat menuju ke Jalan Nakhoda Abang Matasim akan dilencongkan melalui Jalan Wira, Jalan Merdeka dan Jalan Raja <b>bagi kenderaan berat melebihi 3 tan</b> . (Rujuk anak panah hitam)		Rujuk tanda "A"
2	Aliran Trafik dari Jalan Nakhoda Abang Matasim menuju ke Jalan Kapitan Lim Ching Kiat / Jalan Kampung Cina/ Jalan Limbang / Pusat Bandar akan menggunakan laluan seperti biasa melalui Jalan Kapitan Lim Ching Kiat <b>bagi kenderaan kecil</b> . (Rujuk anak panah merah)		Rujuk tanda "B"
	Aliran Trafik dari Jalan Nakhoda Abang Matasim ke Jalan Limbang akan dilencongkan melalui Jalan Tuanku Taha, Jalan Perpaduan, Jalan Kampung Cina, Jalan Muhibbah dan Jalan Limbang <b>bagi kenderaan berat melebihi 3 tan</b> . (Rujuk anak panah hitam)		Rujuk tanda "B"

3	Aliran Trafik di Jalan Kampung Cina menuju ke Jalan Nakhoda Abang Matasim akan dilencongkan melalui Jalan Perpaduan dan Jalan Tuanku Taha bagi <b>kenderaan kecil dan kenderaan berat melebihi 3 tan.</b> (Rujuk anak panah merah dan hitam)		Rujuk tanda "C"
---	--	--	-----------------

Pihak kontraktor akan memaklumkan sekiranya terdapat sebarang perubahan pada tarikh atau kawasan yang terlibat. Papan Tanda Keselamatan, Pengawal Lalu Lintas dan Papan Tanda Pemberitahuan Lalu Lintas Lencongan Jalan akan diletakkan di lokasi yang bersesuaian untuk panduan pengguna jalan raya tersebut. Pengguna jalan raya diminta berhati-hati semasa memandu di laluan berkenaan semasa kerja-kerja dijalankan dan mematuhi segala papan tanda dan peralatan trafik yang telah dipasang.

Justeru itu, pihak Majlis juga menyeru kepada orang awam agar tidak meletakkan kenderaan di bahu jalan bagi mengelakkan kesesakan lalulintas. Orang awam dimohon untuk mengambil maklum dan perhatian mengenai perkara ini dan pihak Majlis memohon maaf atas sebarang kesulitan yang timbul.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Bahagian Kejuruteraan Majlis Daerah Marudi di talian 085-755052.

**Arahan:**

**Setiausaha  
Majlis Daerah Marudi**